

## 6-BULAN & 12-BULAN DEPOSIT TETAP-i GABUNGAN DENGAN PROMOSI AKAUN SEMASA ATAU SIMPANAN-i

### Terma & Syarat

Tarikh dikemaskini pada 1 Mac 2018

### TEMPOH PROMOSI

#### 1. “6-Bulan & 12-Bulan Deposit Tetap-i Gabungan Dengan Promosi Akaun Semasa Atau Simpanan-i”

(“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) bermula pada 1 Mac 2018 dan berakhir pada 30 April 2018, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai sasaran kempen yang ditetapkan, mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), kecuali dinyatakan sebaliknya.

### KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu baru (“Pemegang Akaun Baru”) dan sedia ada termasuk warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia dan pelanggan bukan individu (“Pelanggan”), kecuali dinyatakan sebaliknya:
  - A. Simpanan Tetap-i (“FD-i”)
    - i. Hong Leong Deposit Tetap-i
    - ii. Hong Leong Junior Deposit Tetap-i
  - B. Akaun Semasa atau Simpanan-i (CASA-i)
    - i. Hong Leong Pay & Save-i
    - ii. Hong Leong Akaun Simpanan Asas-i
    - iii. Hong Leong Akaun Simpanan Biasa-i
    - iv. Hong Leong Akaun Simpanan-i
    - v. Hong Leong Akaun Simpanan Pay & Save-i
    - vi. Hong Leong Akaun Semasa One-i
    - vii. Hong Leong Payroll Plus-i
    - viii. Hong Leong Akaun Simpanan Junior-i
3. Akaun Penyertaan adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq dan layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).
4. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pemegang Akaun Baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang akaun dengan HLISB sebelum Tempoh Promosi.
5. Pelanggan bukan individu bermaksud Persatuan, Kelab, Sekolah, Pertubuhan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan, Empunya Tunggal, Perkongsian, Amalan Profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, tidak termasuk syarikat dan badan korporat.
6. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi, **TIDAK** layak menyertai atau akan hilang kelayakan bagi menyertai Promosi ini.

### KAEDAH PROMOSI

7. Pelanggan yang telah membuat perletakan deposit di antara Amaun Perletakan Deposit Tetap-i (“FD-i”) Minimum sehingga Amaun Perletakan FD-i Maksimum dalam Akaun FD-i (“Amaun FD-i”) yang baru atau sedia ada, bagi tempoh FD-i yang dinyatakan di bawah semasa tempoh promosi akan menikmati kadar keuntungan promosi seperti berikut (“Pelanggan Layak”):

Tempoh FD-i	Produk	Kadar Promosi FD-i	Amaun Perletakan FD-i Minimum	Amaun Perletakan FD-i Maksimum	Deposit CASA-i	Tempoh perletakan dalam CASA-i	Kadar Keuntungan
6-bulan	Deposit Tetap-i	4.20% p.a.	RM10,000	RM2,000,000	5% daripada perletakan FD-i	4 bulan	Dari 4.07% p.a. kepada 4.15% p.a.
12-bulan	Deposit Tetap-i Deposit Tetap Junior-i	4.35% p.a.			5% daripada perletakan FD-i	6 bulan	Dari 4.25% p.a. kepada 4.31% p.a.

8. Amaun Perletakan FD-i Minimum adalah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Perletakan FD-i Maksimum adalah **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000)**. Sekiranya mana-mana Perletakan Amaun FD-i melebihi Amaun Perletakan FD-i Maksimum atau mencapai sasaran kempen yang ditetapkan, atau mana-mana yang terdahulu, hendaklah tertakluk kepada kadar semasa FD-i.
9. Bagi menikmati kadar Promosi FD-i, Pelanggan dikehendaki mendeposit 5% daripada amaun perletakan FD-i ke mana-mana CASA-i yang menyertai bagi empat (4) bulan berturut-turut bagi promosi FD-i 6-bulan atau enam (6) bulan berturut-turut bagi promosi FD-i 12-bulan.
10. Perletakan FD-i hendaklah dibuat bersama dengan Perletakan CASA-i dalam Tempoh Promosi. Sekiranya perletakan CASA-i dibatalkan atau dialihkan (sebahagian atau sepenuhnya) diatas sebarang sebab, kadar asas perletakan FD-i akan dikenakan.
11. Kadar keuntungan FD-i berkisar dari 4.07% p.a. kepada 4.15% p.a. bagi promosi FD-i 6 bulan atau 4.25% p.a. kepada 4.31% p.a. bagi promosi FD-i 12-bulan bergantung pada kadar keuntungan CASA-i yang menyertai.

Ilustrasi 1 (kadar keuntungan 4.07% p.a.)

Perletakan Deposit Tetap-i

Amaun	Kadar promosi FD-i	Tarikh perletakan	Kadar keuntungan
RM10,000	6-bulan @ 4.20% p.a.	1 Mac 2018	RM211.72 (RM10,000X4.20%X184/365hari)

Perletakan CASA-i dalam Akaun Simpanan-i

Amaun (5% dari FD-i)	Kadar keuntungan Akaun simpanan Junior-i	Tarikh perletakan	Kadar keuntungan (bagi 4 bulan)
RM500	0.00% p.a.	1 Mac 2018	RM0.00 (RM500X0.00%X122/365hari)

Amaun Keuntungan: **RM211.72**

Kadar keuntungan: **4.07%**

Ilustrasi 2 (kadar keuntungan 4.31% p.a.)

Perletakan Deposit Tetap-i Junior

Amaun	Kadar keuntungan FD-i	Tarikh perletakan	Kadar keuntungan
RM10,000	12-Bulan @ 4.35% p.a.	1 Mac 2018	RM435.00 (RM10,000X4.35%X365/365hari)

Perletakan CASA-i dalam Akaun Simpanan-i Junior

Amaun (5% dari amaun)	Kadar keuntungan Akaun Simpanan-i Junior	Tarikh perletakan	Kadar keuntungan (bagi 6 bulan)
RM500	2.75% p.a.	1 Mac 2018	RM6.93 (RM500X2.75%X184/365hari)

Amaun Keuntungan: **RM441.93**

Kadar keuntungan: **4.31%**

12. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. "Dana Baru" ditakrifkan sebagai:

- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan didepositkan ke dalam Akaun FD-i Pelanggan Layak yang sedia ada atau yang baru dibuka; dan
- (b) Hasil daripada penembusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / Hong Leong Invest Safe dalam tempoh promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i ("CASA/-i") Hong Leong Bank Berhad ("HLB") / HLISB.

13. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai "Dana Baru":
    - (a) Pengeluaran Deposit Tetap ("FD") / FD-i secara matang atau pra-matang;
    - (b) Pemindahan bank intra dana iaitu pemindahan dana daripada akaun HLB / HLISB yang lain sama ada Simpanan/-i, Semasa/-i, Deposit Tetap, Deposit Tetap-I ("FD-I") atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
    - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
  14. Keuntungan FD-i yang diperolehi di bawah promosi ini akan dikreditkan ke dalam CASA-i Penyertaan Pelanggan seperti berikut:
- | Tempoh   | Kekerapan                       |
|----------|---------------------------------|
| 6-bulan  | Matang                          |
| 12-bulan | Setengah tahun (setiap 6 bulan) |
15. Apabila tarikh matang, amaun FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar keuntungan semasa FD-i
  16. Pelanggan bersetuju melepaskan hak bagi menuntut Harga Jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang. Sekiranya amaun FD-i dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka peraturan-peraturan pramatang berikut akan digunakan:
    - (a) Kadar keuntungan tidak akan dibayar bagi mana-mana FD-i yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan;
    - (b) Sekiranya FD-i dikeluarkan dalam bulan keempat (4) ke atas, Pelanggan akan menerima 50% kadar keuntungan bagi bulan-bulan genap sahaja pada amaun pokok FD-i.

HLISB berhak menarik balik dan memotong amaun yang setara dengan kadar keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan bagi FD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada amaun pokok FD-i semasa pengeluaran.
  17. Pengeluaran sebahagian daripada FD-i adalah tidak dibenarkan.
  18. Amaun FD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran bagi tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan.

#### AM

19. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan besetuju:
  - (i) mematuhi Terma & Syarat Promosi;
  - (ii) keputusan HLISB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyerat dan / atau rayuan bagi mempertikaikan keputusan HLISB tidak akan dilayan;
  - (iii) mengakses Laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman sesawang HLISB") secara kerap bagi menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
  - (iv) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
20. HLISB berhak:
  - (i) bagi membatalkan promosi ini di dalam keadaan di mana terdapat pembalikan terhadap Pelanggan Layak atau penamatian Tempoh Promosi pada bila-bila masa atau tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
  - (ii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLISB dengan cara menyiarannya dalam Laman sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal.
  - (iii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLISB menurut budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab.
21. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang perclanggan maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat perclanggan tersebut.

22. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman sesawang HLISB akan diutamakan.
23. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju bagi akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.